

U 0216 AAB
MAHATHIR - KILANG

MELAKA, 10 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN BERCADANG MENDIRIKAN KILANG DI KAMPUNG-KAMPUNG UNTUK MEMBERI PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR DALAM PERUSAHAAN KRAFTANGAN YANG DIJALANKAN SECARA TERATUR, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KILANG ITU AKAN DIUSAHAKAN OLEH KOPERASI KAMPUNG YANG PENDUDUK KAMPUNG, SELAIN MENJADI PEKERJA, JUGA MEMEGANG SAHAMNYA.

DENGAN CARA ITU, PENDUDUK KAMPUNG AKAN MENDAPAT PENDAPATAN TAMBAHAN BUKAN SAHAJA MELALUI SAJI YANG DITERIMA TETAPI JUGA HASIL KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH KOPERASI, KATA PERDANA MENTERI SENAKTU BERUCAP PADA MAJLIS PERAYAAN SAMBUTAN JUBLI PERAK JABATAN KEHAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) DI PUSAT EKSPLO AIR KEROH, DEKAT SINI.

TUJUAN PEMBUBUHAN KILANG ITU IALAH UNTUK MENYUSUN KERJA DALAM BIDANG BERKENAAN SECARA LEBIH TERATUR, MENETAPKAN WAKTU BEKERJA DAN KALAU PERLU MEMBAYAR SAJI KEPADA PEKERJA DAN KALAU UNTUNG IA HARUS DIBAHAGI-BAHAGIKAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN BARANG-BARANG KRAFTANGAN KELUARAN KILANG-KILANG ITU TIDAK AKAN MENGHADAPI MASALAH DARIPADA SEGI PASARAN KERANA KERAJAAN SENDIRI MEMPUYAI PELBAGAI AGENSI YANG BOLEH MENJUAL BARANGAN ITU. -- LAGI

2020MST 10 12 55

0615

U 0217 AAB
MAHATHIR - KILANG 2 MELAKA

PERMINTAAN UNTUK BARANG-BARANG KRAFTANGAN KHUSUSNYA DARI LUAR NEGARA AMAT BESAR, BAGAIMANAPUN, KATANYA, PEMBELI BERNIAT UNTUK MEMBELI BARANG-BARANG YANG DAPAT DIKELUARKAN SECARA TETAP.

BELIAU YAKIN KEMAS AKAN MENGHEBAHKAN HASRAT KERAJAAN ITU DAN BERUSAHA MENGADAKAN KILANG-KILANG BERKENAAN DENGAN SECARA YANG TERATUR DAN MELIBATKAN PERBELANJAAN YANG KECIL, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA YANG PENTING BUKANLAH KECANTIKAN KILANG ITU TETAPI TEMPAT BEKERJA YANG SESUAI MALAUPUN DI BAWAH RUMAH KALAU IA LEBIH MUDAH UNTUK MENGUMPULKAN PARA PEKERJA PADA SESUATU TEMPAT KHAS.

SEBAB ITULAH PENEKAMAN TERHADAP SIKAP YANG SESUAI DENGAN KEADAAN HIDUP ZAMAN MODERN INI PERLU DIBUAT DAN MENJADI TUSAS KEMAS UNTUK MENENTUKAN PERKARA INI, TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MAHUKAN PENEKAMAN SERIUS DIBERIKAN KEPADA USAHA MENUJUDKAN KAMPUNG-KAMPUNG TERBESUSUN BAGI MEMUDAHKAN KERAJAAN MENYALURKAN SEGALA KEMUDAHAN ASAS UNTUK FAEDAH PENDUDUK KAMPUNG. -- LAGI

2022MST 10 12 55

0616

U 0218 AAB
MAHATHIR - KILANG 3 MELAKA

DENGAN ADANYA KAMPUNG-KAMPUNG SEUPAMA ITU, SEGALA KEMUDAHAN ASAS SEPERTI BEKALAN LETRIK DAN AIR, JALAN, SEKOLAH, KLINIK, TEMPAT PERNIAGAAN SERTA PERUSAHAAN AKAN DAPAT DISEDIAKAN KEPADA SESEBUAH KAWASAN DAN KEADAAN ITU AKAN TERUS BERKEMBANG UNTUK KEHAJUAN SELANJUTNYA.

BELIAU JUGA MAHUKAN KAKITANGAN KEMAS SELURUHNYA MEMAINKAN PERANAN UNTUK MEMBENTUK PERIBADI RAKYAT NEGARA INI MELALUI KURSUS-KURSUS PEMBINA SEMANGAT YANG LEBIH SESUAI DENGAN ZAMAN YANG HENCABAR INI.

→KITA AKAN KETINGGALAN SEKIRANYA KITA TIDAK SANGGUP UNTUK MENGHADAPI SEGALA MASALAH MALAUPUN KITA MEMPUYAI KEBLEHAHAN TERTENTU, → KATANYA. -- BERNAMA

2024MST 10 12 55